

SPM 2024



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Modul Intervensi Pembelajaran

SEJARAH

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



PANEL AKRAM

**AZMAN BIN YUSOF (K)
SMK BUKIT SAWA, MARANG**

**MOHAMAD SUHAIMI BIN A RAHMAN
SM SAINS SULTAN MAHMUD, K NERUS**

**AHMAD KHAIDIR BIN AB WAHAB
SMK SERI BUKIT PUTERI, BESUT**

**MAT ZAID BIN MAN
SMK TENGKU BARIAH, K TRG**

**ABDUL AZIZ BIN MOHAMED
SMK SERI SERATING, MARANG**

**MOHD SUBHI BIN ARSHAD
SMK KUALA JENGAL, DUNGUN**

**RAHIMAH BINTI WAN AHMAD
SMK TENGKU IBRAHIM, SETIU**

**SUMIANTI BINTI CHE OMAR
SMK TENGKU MAHMUD, BESUT**

**NURUL HUDA AKMILAH BINTI MOHAMAD
SMK TUN INDERA, H TRG**

**AZLINA BINTI ALIAS @ABDUL RAHMAN
SMK MAK LAGAM, KEMAMAN**

SET 1

- 1 Kemunculan kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat.

Apakah fungsi Raja dalam kerajaan Alam Melayu?

A Penyebar tamadun
B Tonggak kerajaan
C Pengasas pentadbiran
D Lambang pemerintahan
- 2 Mengapakah rakyat Kerajaan Srivijaya menjalankan upacara meminum air sumpah?

A Membuktikan kesetiaan
B Menyatakan kesyukuran
C Menghormati pemerintah
D Mematuhi peraturan
- 3 Mengapakah idea nasionalisme mempunyai perbezaan antara negara dan zaman?

I Maksud berbeza
II Pengaruh sekeliling
III Pengalaman sejarah
IV Perjuangan bertukar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 4 Apakah prinsip yang diperkenalkan oleh John Locke dalam karyanya *Two Treatises of Government*?

A Perpaduan rakyat
B Raja Berperlembagaan
C Sistem Parlimen
D Dasar cukai
- 5 Mengapakah British memperkenalkan Enakmen Undang-Undang Islam 1904?

A Mengukuhkan kedudukan agama Islam
B Mengiktiraf kuasa sultan dalam agama
C Membendung gerakan Islam Timur Tengah
D Menyekat pengaruh fahaman sekular

- 6 Rajah menunjukkan negara yang terlibat pakatan ketenteraan dalam Perang Dunia Pertama.

Pakatan ketenteraan	
X	Y
Jerman Austria-Hungary Bulgaria	Britain Perancis Rusia

X dikenali sebagai

- A Pakatan Bertiga
B Kuasa Tengah
C Kuasa Bersekutu
D Kuasa Paksi
- 7 Mengapakah British menubuhkan pentadbiran berikut?

Tempoh	September 1945 - Mac 1946
Pentadbiran	British Military Administration (BMA)

- A Mewujudkan keamanan
B Menjimatkan perbelanjaan
C Memberikan latihan kepimpinan
D Melaksanakan ekonomi kawalan
- 8 British telah melantik Sir Harold MacMicheal untuk mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu bagi melaksanakan Malayan Union.

Bagaimanakah beliau mendapatkan persetujuan tersebut?

- I Membuat desakan
II Mewujudkan imuniti
III Mengekalkan gelaran
IV Menggunakan ugutan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 9 Maklumat berikut merujuk proses ke arah negara yang berdaulat.

Tarikh	Perkara
25 Julai 1946	Jawatankuasa Kerja

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

- A Meminda Perlembagaan Persekutuan
B Merangka Perjanjiaan Persekutuan
C Membenters ancaman komunis
D Memantapkan sistem politik

- 10 Mengapakah orang Melayu menerima baik penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Penamatan penjajahan penjajah
 - B Pengagihan ekonomi yang adil
 - C Pengiktirafan hak istimewa
 - D Pelaksanaan demokrasi negara
- 11 British bertindak meluluskan Trade Union Ordinance No.9 of 1948.
- Apakah tujuan ordinan tersebut diluluskan?
- A Menyekat pengaruh komunis
 - B Mengembalikan keyakinan
 - C Memulihkan keamanan
 - D Menangkap pengganas
- 12 Mengapakah Parti Komunis Malaya (PKM) menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis?
- A Mengusir semua penjajah
 - B Memulihkan kepercayaan rakyat
 - C Mempercepatkan kemerdekaan negara
 - D Menonjolkan ketidakupayaan kerajaan
- 13 Parti politik berikut mencetuskan kesedaran politik dalam membentuk idea merdeka.
- Independence Of Malayan Party (IMP)
 - Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
 - Malayan Chinese Association (MCA)
- Apakah persamaan parti politik tersebut?
- A Memperjuangkan konsep "Melayu Raya"
 - B Melaksanakan pendekatan radikal
 - C Mewujudkan kerjasama kaum
 - D Menekankan slogan "Merdeka"
- 14 Antara tokoh masyarakat yang dilantik memegang portfolio dalam Sistem Ahli 1951.
- Dato Onn Jaafar
 - H.S.Lee
 - E.E.C Thuraisingham
- Apakah persamaan tugas mereka dalam sistem tersebut?
- A Menasihati raja-raja Melayu
 - B Merangka sistem pendidikan
 - C Menjaga hubungan negeri Melayu
 - D Mencadangkan undang-undang

15 Apakah tujuan pilihan raya diadakan di negara kita pada tahun 1950-an ?

- I Mewujudkan perpaduan kaum
- II Asas berkerajaan sendiri
- III Rakyat berpeluang memilih wakil
- IV Memilih Yang Dipertuan Agong

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri.

Tarikh	Keputusan
1954	Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada kemenangan tersebut?

- A Pelaksanaan pilihan raya adalah telus
- B Kewibawaan calon menjadi pilihan utama
- C Sokongan rakyat terhadap kemerdekaan
- D Kerjasama kaum mendapat sokongan

17 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
- II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


18 Situasi 1 berdasarkan situasi di bawah.

<p>Situasi 1 : Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu 1948 Situasi 2 : Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955</p>

Apakah kesan daripada situasi di atas?

- A Imperialisme semakin meluas
- B Negara menuju ke arah berkerajaan sendiri
- C British mengukuhkan kedudukan di negara kita
- D Pentadbiran Tentera British mulai diperkenalkan

- 19 Rajah berikut berkaitan takrif kemerdekaan menurut *Kamus Dewan*.



X merujuk

- A Autonomi
 - B Berdaulat
 - C Kesetiaan
 - D Patriotisme
- 20 Jawatankuasa Persediaan Fizikal bertanggungjawab menonjolkan identiti negara bagi persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan.

Antara berikut yang manakah dikaitkan dengan identiti negara?

- I Keris
 - II Jata Negara
 - III Bunga Raya
 - IV Baju Muskat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 21 Apakah takrif kedaulatan dalam Bahasa Arab?
- A Negara yang bebas dan merdeka
 - B Kuasa pemerintahan sesebuah negara
 - C Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara
 - D Negara mempunyai kuasa yang penuh terhadap pemerintahan
- 22 Mengapakah Malaysia dikatakan sebuah negara yang berdaulat?
- A Kedudukan bumiputera diiktiraf
 - B Berhak mentadbir negara
 - C Keharmonian kaum terpelihara
 - D Pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan
- 23 Mengapakah British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat?
- A Mengelakkan persengketaan
 - B Mengukuhkan perpaduan
 - C Meningkatkan ekonomi
 - D Melindungi penduduk

24 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan?

- I Agama Islam
- II Demokrasi berparlimen
- III Sistem Persekutuan
- IV Pemerintahan beraja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Gambar berikut berkaitan dengan persidangan Durbar yang pertama pada tahun 1897.



Persidangan tersebut bertujuan untuk membincangkan

- A Perubahan sempadan
- B Hal-ehwal pentadbiran
- C Pindaan perlembagaan
- D Syarat kewarganegaraan

26 Undang-undang berikut diwujudkan selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang
- Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kepentingan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Penerusan raja berkuasa mutlak
- B Pelaksanaan Demokrasi Berparlimen
- C Pengamalan Raja Berperlembagaan
- D Pengenalan jawatan Yang di-Pertuan Agong

27 Negara kita mengamalkan sistem Persekutuan.

Apakah ciri sistem tersebut?

- I Penggabungan negeri
- II Pembahagian kuasa
- III Pemusatan pentadbiran
- IV Pembentukan satu kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Jadual berikut berkaitan kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan		
Senarai Persekutuan	Senarai Negeri	Senarai X

Apakah perkara yang terletak di bawah Senarai X

- A Undang-undang Islam
- B Hal ehwal tanah
- C Perumahan
- D Pelajaran

29 Mengapakah Lord Brassey mencadangkan idea penggabungan Sarawak, Sabah, negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat (NNS) pada 1887.

Apakah tujuan Lord Brassey mencadangkan idea pembentukan Malaysia?

- A Menjamin keselamatan rakyat
- B Mengukuhkan pertahanan
- C Memudahkan pentadbiran British
- D Meningkatkan potensi ekonomi

30 Apakah rasional idea pembentukan Malaysia?

- I Isu kedaulatan
- II Meluaskan pasaran
- III Keseimbangan komposisi penduduk
- IV Pembangunan wilayah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Malaysia menghadapi cabaran dalaman selepas pembentukan Malaysia.

Antara berikut, apakah cabaran tersebut?

- I Hubungan dengan Indonesia
- II Ketidakstabilan politik di Sarawak
- III Kepelbagaian kaum dan etnik
- IV Pemisahan Singapura

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Apakah cabaran kerajaan Malaysia dalam memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak serta Sabah?

- A Kekurangan modal
- B Tiada kerjasama rakyat
- C Teknologi yang rendah
- D Saiz negeri yang besar

33 Bagaimanakah kerenggangan hubungan antara kaum berlaku semasa zaman pentadbiran British?

- I Perbezaan kegiatan ekonomi
- II Politik berasaskan kenegerian
- III Pengenalan sekolah agama
- IV Sistem pendidikan vernakular

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Maklumat yang berikut merujuk cadangan yang terdapat dalam dasar pendidikan yang diperkenalkan di negara kita.

- Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah
- Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat

Maklumat tersebut merujuk

- A Laporan Rahman Talib 1960
- B Kajian Aminuddin Baki 1964
- C Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979
- D Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996

35 Apakah matlamat Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan pada tahun 1971?

- A Menghapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi
- B Menghapuskan sekatan dagangan peringkat antarabangsa
- C Meningkatkan perolehan cukai daripada barangan import
- D Meningkatkan kecekapan syarikat berkaitan kerajaan

36 Maklumat yang berikut berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Matlamat DEB adalah untuk memupuk perpaduan dan kesejahteraan kaum dengan menggunakan strategi bersifat serampang dua mata.

Apakah strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat DEB?

- A Memajukan pertanian masyarakat luar bandar
- B Membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan rakyat
- C Mengurangkan jurang sosioekonomi yang wujud antara kaum
- D Memperkenalkan pertanian moden dan perindustrian moden di Malaysia

37 Pernyataan berikut berkaitan dengan dasar luar negara.

Matlamat Penggubalan Dasar Luar
• Melindungi kepentingan nasional
• Mempertahankan kedaulatan negara
• X

Apakah **X** ?

- A Memajukan teknologi
- B Memupuk hubungan baik
- C Melestarikan alam sekitar
- D Mengelakkan penindasan kaum

38 Maklumat berikut berkaitan Tunku Abdul Rahman sebagai Menteri Luar Negeri pertama.

Kewujudannya adalah berperanan menggubal dasar luar serta menjaga kepentingan nasional Malaysia pada peringkat antarabangsa

Manakah yang berkaitan dengan maklumat tersebut.

- A Parlimen
- B Wisma Putra
- C Istana Negara
- D Jabatan Perdana Menteri

- 39 Maklumat berikut berkaitan dengan isu pertindihan sempadan yang melibatkan Malaysia dengan negara jiran.

Tahun	Isu Tuntutan Sempadan
2002	Pulau Sipadan dan Ligitan
2008	Pulau Batu Putih

Bagimananakah isu tersebut diselesaikan?

- A tuntutan di Mahkamah Antarabangsa
 - B campur tangan pertubuhan ASEAN
 - C sokongan pemimpin dunia
 - D rundingan diplomatik
- 40 Kempen antiminyak kelapa sawit secara tidak langsung telah menggugat ekonomi negara.


Apakah langkah Malaysia dalam menangani isu ini?

- A Forum ASEAN-China
- B Menggunakan Mahkamah Antarabangsa
- C Bekerjasama dengan Polis Antarabangsa
- D Pelaksanaan Good Agricultural Practices (GAP)

KERTAS SOALAN TAMAT

SET 2

- 1 Bagaimanakah Kesultanan Johor-Riau mengekalkan ciri-ciri negara bangsa yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka?
- A Mengukuhkan sumber ekonomi
 B Menekankan kepentingan Islam
 C Memajukan kegiatan kesusasteraan
 D Menjalinkan hubungan serantau



Peta 3.4 Jajahan takluk Melaka.

- 2 Peta berikut menunjukkan wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka. Bagaimanakah wilayah tersebut diperolehi?
- A Pertukaran budaya
 B Penyebaran agama
 C Perkahwinan sahsiah
 D Peningkatan ekonomi
- 3 Maklumat berkaitan perkembangan nasionalisme di Barat.

Revolusi Keagungan 1688
 Revolusi Perancis 1789

Apakah persamaan dalam perjuangan kedua-dua revolusi tersebut?

- A Memperjuangkan kedaulatan negara
 B Memperjuangkan hak pembesar
 C Menentang kuasa mutlak raja
 D Menentang penindasan penjajah
- 4 Kegagalan nasionalisme peringkat awal di Filipina telah melahirkan Katipunan yang bertujuan untuk memperjuangkan kemerdekaan Filipina secara revolusi.

Siapakah pengasas Katipunan?

- A Jose Rizal
 B Andres Bonifacio
 C Emilio Aguinaldo
 D Sergio Osmena

- 5 Maklumat berikut berkaitan usaha menamatkan Perang Dunia Pertama.

Perjanjian Versailles (28 Jun 1919)
--

Apakah kesan daripada persidangan tersebut?

- A Pakatan Bertiga berpecah
 - B Kuasa Tengah berkuasa kembali
 - C Amerika Syarikat semakin lemah
 - D Jerman kehilangan tanah jajahan
- 6 Bagaimanakah British memampulasi kemakmuran ekonomi negara kita selepas Perang Dunia Pertama?
- A Wang hasil negara digunakan untuk membiayai operasi British
 - B Raja-raja Melayu diminta memberi ketaatan kepada British
 - C Meletakkan negara di bawah undang-undang tentera
 - D Pelbagai tanaman komersial distrukturkan semula

- 7 Pembentukan Malayan Union menimbulkan penentangan daripada orang Melayu.

Bagaimanakah orang Melayu menentang Malayan Union?

- I Menerusi akhbar
 - II Mengadakan demonstrasi
 - III Melancarkan serangan
 - IV Mengadakan pemberontakan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 8 Maklumat berikut berkaitan pentadbiran Malayan Union di Tanah Melayu.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Majlis Eksekutif• Majlis Perundangan Malayan Union |
|---|

Siapakah yang bertanggungjawab dalam mengawal selia institusi tersebut?

- A Residen
- B Presiden
- C Gabenor British
- D Pesuruhjaya Tinggi

- 9 Gabungan PUTERA-AMCJA telah mencadangkan Perlembagaan Rakyat tetapi ditolak oleh pentadbiran British.

Mengapakah British berbuat demikian?

- A Gabungan PUTERA-AMCJA terlalu radikal
- B Sokongan daripada Raja-raja Melayu
- C Taraf berkerajaan sendiri terjejas
- D Bertentangan dengan prinsip jus soli

- 10 Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditubuhkan secara rasminya pada 1 Februari 1948 selepas mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

Apakah kesan penubuhan tersebut kepada Tanah Melayu?

- A Penamatan kuasa penjajah
- B Pemilikan kuasa mutlak raja
- C Perubahan bertaraf naungan
- D Peluasan pengaruh radikal

- 11 Manakah yang berikut usaha pihak kerajaan untuk menangani ancaman komunis di Tanah Melayu?

- I Mengiktiraf parti radikal
- II Mengadakan perintah berkurung
- III Mewujudkan Kampung Baru
- IV Memansuhkan Kesatuan Sekerja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 12 Apakah peranan Pasukan Senoi Praaq (Urang Perang) dalam usaha menangani ancaman komunis?

- A Mengesan tempat persembunyian komunis
- B Melindungi kawasan perlombongan
- C Mengawal kampung dan pekan
- D Memusnahkan kubu komunis

- 13 Penduduk tempatan Tanah Melayu dilantik sebagai Ahli dalam Sistem Ahli pada tahun 1951.

Mengapakah pelantikan tersebut penting terhadap Tanah Melayu?

- A Pengekalan sistem pentadbiran tradisional
- B Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- C Pengukuhan kuasa politik bumiputera
- D Penjimatan perbelanjaan kerajaan

14 Maklumat berikut berkaitan Penyata Razak 1956

- Sistem pendidikan yang sama
- Kurikulum yang sama
- Bahasa pengantar Bahasa Melayu

Apakah kepentingan penyata tersebut ?

- A Mengukuhkan perpaduan antara kaum
- B Mengurangkan kadar kemiskinan
- C Membentuk identiti negara
- D Membangunkan ekonomi negara

15 Berikut adalah rombongan ke London pada April 1954.

- Tunku Abd Rahman
- Tan Cheng Lock
- T.H. Tan
- Dato' Abdul Razak Hussein

Apakah tujuan rombongan tersebut?

- A Memansuhkan Sistem Ahli
- B Menentukan pilihan raya Majlis
- C Melantik ahli Suruhanjaya Pilihan Raya
- D Menentukan tiga perlima bilangan anggota MPP

16 Apakah syarat untuk menjadi calon pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

- I Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- II Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu 12 bulan sebelum hari penamaan calon
- III Individu yang telah tinggal dalam tempoh enam bulan di Persekutuan Tanah Melayu
- IV Berpengetahuan dalam bahasa Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
1. Menerima memorandum pelbagai pihak 2. Penghasilan draf perlembagaan 3. Reaksi terhadap draf perlembagaan 4. Perbincangan dengan kerajaan British


Langkah-langkah tersebut menggambarkan bahawa proses penggubalan perlembagaan menekankan nilai

- A kerajinan
 - B keberanian
 - C keterbukaan
 - D kasih sayang
- 18 Pernyataan di bawah berkaitan dengan hasil persetujuan di London.

Pada 8 Mac 1957, kerajaan British mengumumkan pembentukan suruhanjaya bebas setelah mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu.

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Mengadakan pilihan raya
 - B Mengkaji dasar pendidikan kebangsaan
 - C Merangka perlembagaan negara yang merdeka
 - D Membentuk satu badan khas mengatasi ancaman komunis
- 19 Gambar berikut menunjukkan Buku Merah yang dilancarkan pada tahun 1961 dalam Rancangan Malaya Kedua.



Mengapakah buku tersebut diperkenalkan?

- A Mengawal kemasukan buruh luar
- B Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- C Memantau kecekapan pengurusan syarikat
- D Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan

- 20 Berikut adalah peranan penting negara di peringkat antarabangsa selepas mencapai kemerdekaan.

- Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- Menyertai misi pengaman PBB ke Congo

Bagaimanakah penglibatan Malaysia dalam pertubuhan tersebut memberikan impak positif kepada kedaulatan negara?

- A Menjamin kestabilan politik
 - B Menerima pengiktirafan antarabangsa
 - C Menghindari pencerobohan asing
 - D Mengukuhkan sistem ketenteraan
- 21 Mengapakah rakyat Malaysia perlu menghargai tokoh nasionalis negara?
- A Memupuk semangat patriotisme
 - B Menyusun semula masyarakat
 - C Mendapat pengiktirafan
 - D Memelihara maruah
- 22 Bagaimanakah rakyat boleh membantu negara dalam mewujudkan kemakmuran ekonomi?
- I Memperuntukkan dana pelaburan
 - II Memberi kesetiaan
 - III Menyokong usaha kerajaan
 - IV Menghalang kemasukan buruh asing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

- Undang-undang Negeri Melayu
- X

Apakah X?

- A Adat Temenggung
- B Hukum Kanun Melaka
- C Undang-undang Inggeris
- D Undang-undang Laut Melaka

- 24 Apakah tujuan pindaan perlembagaan yang telah diusulkan di parlimen Malaysia pada tahun 1965?
- A Pemisahan Singapura
 - B Kuasa autonomi semua negeri
 - C Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong
 - D Perlantikan Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah
- 25 Apakah status Raja-raja Melayu semasa pendudukan Jepun?
- A Ketua hakim
 - B Ketua pentadbir negeri
 - C Ketua keselamatan dan keamanan
 - D Ketua hal ehwal agama Islam
- 26 Majlis Raja-raja merupakan institusi beraja di Malaysia.
- Apakah peranan yang dilaksanakan oleh Majlis Raja-raja?
- A Penasihat kerajaan
 - B Pakar perlembagaan
 - C Pengimbang sistem demokrasi
 - D Penggubal undang-undang negeri
- 27 Mengapakah peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan?
- A Mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat
 - B Melicinkan sistem Persekutuan
 - C Menguatkuasakan undang-undang
 - D Mewujudkan negara yang berdaulat
- 28 Antara berikut, yang manakah perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama?
- I Undang-undang Islam
 - II Kebudayaan dan sukan
 - III Kebajikan awam
 - IV Perubatan dan kesihatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 29 Antara berikut, yang manakah parti politik di Sarawak yang pada awalnya menentang kemudiannya menyokong gagasan Malaysia?
- A PANAS
 - B SNAP
 - C BARJASA
 - D SUPP

- 30 Mengapakah penduduk Sabah menolak cadangan pembentukan Malaysia pada peringkat awal ?
- A Melindungi hak peribumi
 - B Mengancam keselamatan
 - C Mengekalkan pentadbiran British
 - D Mengelakkan ancaman Indonesia
- 31 Sarawak telah mengalami krisis perlembagaan berlaku di Sarawak pada bulan Jun 1966.
- Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?
- A Perebutan kuasa antara pegawai
 - B Pengisytiharan peraturan darurat
 - C Kekecewaan ahli Council Negri
 - D Ancaman Parti Komunis Malaya
- 32 Mengapakah integrasi nasional dan semangat satu negara menjadi satu cabaran besar yang dihadapi Malaysia ?
- A Jarak antara wilayah
 - B Jurang pendapatan yang ketara
 - C Kepelbagaian sistem pendidikan
 - D Terpengaruh dengan ideologi negara luar
- 33 Perkara berikut berkaitan dengan cadangan aktiviti kokurikulum dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.
- Kegiatan persatuan
 - Unit beruniform
 - Sukan dan permainan
- A Memupuk perpaduan kaum
 - B Melahirkan atlet bertaraf dunia
 - C Mempelbagai aliran persekolahan
 - D Meningkatkan kemahiran teknologi
- 34 Berdasarkan Kajian Aminuddin Baki, sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan.
- Mengapakah sistem persekolahan tersebut diperkenalkan?
- A Melahirkan tenaga kerja mahir
 - B Mengurangkan sekolah vernakular
 - C Memendekkan tempoh persekolahan
 - D Menempatkan murid kelainan upaya

- 35 Mengapakah kerajaan memperkenalkan Rancangan Buku Hijau?
- A Membantu meningkatkan pendapatan kerajaan
 - B Menyokong pelaksanaan dasar pembangunan
 - C Memajukan penduduk yang tinggal di luar bandar
 - D Mempelbagai hasil tanaman pertanian
- 36 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 untuk melaksanakan pembukaan tanah baharu.
- Apakah kesan pembukaan tanah tersebut?
- I Taraf hidup rakyat meningkat
 - II Sektor perladangan berkembang
 - III Bilangan usahawan bertambah
 - IV Harga komoditi meningkat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37 Misi pengaman dihantar ke Congo pada tahun 1960 hingga 1964.
- Mengapakah misi ini disertai oleh Malaysia?
- A Membantu pentadbiran
 - B Mendaulatkan undang-undang
 - C Memberi latihan teknikal
 - D Menjadi jurubahasa
- 38 Rancangan Colombo telah diperkenalkan oleh pertubuhan Komanwel pada tahun 1951.
- Apakah kepentingan rancangan tersebut?
- A Menangani masalah kemiskinan
 - B Menamatkan dominasi negara maju
 - C Membanteras pemerdagangan manusia
 - D Menyediakan bantuan ketenteraan
- 39 Apakah faktor yang menyebabkan Malaysia menjadi kawasan transit bagi aktiviti pemerdagangan orang ke negara lain?
- A Kedudukan strategik
 - B Kepelbagaian kaum
 - C Kelonggaran undang-undang
 - D Ketidakstabilan politik negara

- 40 Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah diumumkan pada tahun 1992 di Singapura.

Bagaimanakah AFTA boleh memacu kemajuan ekonomi ASEAN?

- I Penggunaan mata wang tunggal dikuatkuasakan
- II Kemasukan pelabur dari rantau lain dikawal
- III Sekatan perdagangan dihapuskan
- IV Pasaran terbuka luas

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

SET 3

- 1 Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua jenis undang-undang bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang- Undang Laut Melaka.

Apakah kesan pelaksanaan undang-undang tersebut?

- A Mengukuhkan kerajaan
- B Meluaskan pengaruh
- C Mengelakkan pencerobohan
- D Menyebarkan tamadun

- 2 Apakah kepentingan cap mohor dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mengesahkan arahan sultan
- B Melambangkan kemakmuran pemerintah
- C Melindungi kabajikan rakyat
- D Menunjukkan keistimewaan pembesar

- 3 Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn telah memperkenalkan dasar diplomasi dan pemodenan di Thailand ?

Apakah kesan dasar tersebut terhadap negara Thailand?

- A Rakyat memberontak
- B Penjajahan berlaku
- C Tekanan ekonomi
- D Kedaulatan dipertahankan

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan nasionalisme di Asia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">● Nasionalisme di India● Nasionalisme di China |
|---|

Apakah persamaan yang terdapat pada nasionalisme tersebut?

- A Membentuk negara bangsa
- B Menjadi kuasa imperialisme
- C Menamatkan penjajahan kuasa asing
- D Memulihkan kuasa golongan bangsawan

- 5 Berikut ialah ideologi baru yang muncul di Eropah.

- Fasisme di Itali
- Nazisme di Jerman

Apakah persamaan kedua-dua ideologi tersebut

- A Pertubuhan sosialis
- B Amalan demokrasi
- C Gerakan politik radikal
- D Fahaman sekular

- 6 Poster propaganda di bawah digunakan semasa Perang Dunia Kedua.



Apakah yang dapat ditafsirkan dari poster ini?

- A Kekuatan penggunaan senjata
 B Kejayaan operasi D-Day
 C Kerjasama pihak Bersekutu
 D Ketokohan pemimpin Jerman
- 7 Maklumat berikut berkaitan beberapa bentuk penentangan penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak kepada British.

- Mengadakan persidangan
- Mengadakan demonstrasi
- Bantahan golongan wanita

Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

- A Bertentangan dengan perlembagaan
 B Kehilangan kawasan pengaruh
 C Menyekat sumber kewangan
 D Pentadbiran menjadi lemah
- 8 Maklumat berikut berkaitan perubahan pentadbiran Tanah Melayu pada abad ke-20.


- Kewarganegaraan secara jus soli
- Dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura adalah warganegara
- Berumur 18 tahun ke atas dan bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun diberi kewarganegaraan

Mengapakah perubahan pentadbiran tersebut?

- A Pengenalan Melayu Raya
 B Pelaksanaan Malayan Union
 C Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu
 D Penubuhan Persekutuan Malaysia

- 9 Perkara manakah yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Pendidikan vernakular
 - B Syarat kewarganegaraan
 - C Pilihanraya umum
 - D Gabungan parti
- 10 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap Tanah Melayu?
- A Berpeluang berkerajaan sendiri
 - B Pengukuhan kuasa imperialisme
 - C Pemansuhan status pribumi
 - D Komposisi kaum seimbang
- 11 Apakah matlamat perjuangan komunis di Tanah Melayu?
- A Memperjuangkan hak pribumi
 - B Menyatukan pelbagai kaum
 - C Menubuhkan negara republik
 - D Menyokong dasar terbuka
- 12 Di bawah Undang-undang Darurat yang dilaksanakan pada tahun 1948, kerajaan berkuasa
- I menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan pergerakan komunis
 - II menghantar pulang kaum imigran bagi mengelakkan sifat perkauman
 - III mempelbagai tanaman makanan untuk menjamain makanan mencukupi
 - IV mengenakan hukuman mati terhadap sesiapa yang membawa senjata api
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 13 Rajah merujuk persatuan yang mempengaruhi gelombang politik di negara kita.



Apakah X?

- A Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
 - B Parti Kebangsaan Melayu Malaya
 - C Pergerakan Pemuda Melayu
 - D Angkatan Pemuda Insaf
- 14 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) mencadangkan sistem pendidikan yang seragam?
- A Membentuk perpaduan
 - B Melahirkan tenaga mahir
 - C Mempertahankan kedaulatan negara
 - D Merangka kerjasama parti politik
- 15 Berikan tempoh berkempen yang telah dibenarkan dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
- A 45 hari
 - B 14 hari
 - C 20 hari
 - D 30 hari
- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan Majlis Perundangan Persekutuan 1948.

3 orang *ex officio*

Siapakah *ex officio* tersebut?

- I Setiausaha kewangan
 - II Residen British
 - III Menteri Besar
 - IV Peguam Besar Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 17 Raja-raja Melayu telah mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Cadangan yang manakah terkandung dalam memorandum tersebut?

- A Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
- B Ketua Menteri mengetuai pentadbiran negara
- C Undang-undang tempatan dikuatkuasakan
- D Syarat kewarganegaraan dikaji semula

- 18 Tokoh berikut adalah anggota Suruhanjaya Reid.



Lord Reid
(Britain)
Pengerusi

Sir William
Ivor Jennings
(Britain)

Sir William Mckell
(Australia)


Hakim
B. Malik
(India)

Hakim
Abdul Hamid
(Pakistan)

Apakah peranan Suruhanjaya tersebut?

- A Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
- B Merangka Perlembagaan Persekutuan
- C Mengkaji kemasukan Sarawak dan Sabah
- D Mengetuai rombongan kemerdekaan ke London

- 19



Mengapakah Jata Negara dibentuk sebelum pengisytiharan kemerdekaan negara?

- A Lambang keagungan
- B Identiti kenegaraan
- C Semangat keberanian
- D Perpaduan bangsa

- 20 Gambar menunjukkan peristiwa menurunkan bendera Union Jack.



Apakah yang dapat dibuktikan daripada peristiwa tersebut?

- A Pengisytiharan Malayan Union
 - B Kemenangan tentera Jepun
 - C Berakhirnya acaman komunis
 - D Pembinaan negara berdaulat
- 21 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kedaulatan tradisional?
- I Mengikat kesetiaan rakyat
 - II Kepelbagaian rumpun bangsa
 - III Prinsip keadilan ditegakkan
 - IV Pemerintah berkuasa mutlak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 22 Sebagai rakyat dalam sebuah negara yang berdaulat, bagaimanakah perpaduan kaum dapat dikekalkan?
- A Menyertai pasukan keselamatan
 - B Mengamalkan sistem demokrasi
 - C Mewujudkan jurang antara wilayah
 - D Mengamalkan semangat perkongsian

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran British pada tahun 1946 di Tanah Melayu.

Negeri	Pengubal Undang-Undang
Negeri-Negeri Selat	Majlis Undangan Negeri
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	X

Apakah **X**?

- A Majlis Negeri
 - B Majlis Persekutuan
 - C Majlis Raja-Raja
 - D Majlis Kerja
- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan pindaan Perlembagaan 1965.

Tunku Abdul Rahman Putra Al- Haj membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura 7 Ogos 1965.

Apakah badan yang berkuasa meluluskan pindaan perlembagaan tersebut?

- A Kabinet
 - B Parlimen
 - C Mahkamah Atasan
 - D Dewan Undangan Negeri
- 25 Manakah antara berikut kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara?
- I Mengisytiharkan darurat
 - II Melantik Jemaah Menteri
 - III Membubarkan Dewan Undangan Negeri
 - IV Menjadi ketua agama bagi semua negeri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26 Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.

Apakah hak rakyat dalam sistem tersebut?

- A Melantik Yang di-Pertuan Agong
- B Mengamalkan gaya hidup bebas
- C Memiliki dwi kewarganegaraan
- D Memilih pemimpin negara

27 Maklumat berikut berkaitan agensi Persekutuan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)• Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)• Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) |
|--|

Bagaimanakah agensi Persekutuan berikut melaksanakan kerjasama pembangunan sosioekonomi?

- A Memajukan industri desa
- B Memulihkan tanah terbiar
- C Memfokus pembinaan prasarana
- D Melaksanakan pembangunan wilayah

28 Apakah perkara yang ditekankan dalam Program Pembangunan In-Situ?

- A Pembukaan tanah baharu
- B Pemuliharaan tanah terbiar
- C Pembangunan fizikal desa
- D Pembangunan koridor wilayah

29 Mengapakah penduduk Sabah menolak cadangan pembentukan Malaysia pada peringkat awal ?

- A Melindungi hak peribumi
- B Mengancam keselamatan
- C Mengekalkan pentadbiran British
- D Mengelakkan ancaman Indonesia

30 Mengapakah kerajaan Singapura mengadakan referendum pada 1962?

- A Mengekalkan sistem pemerintahan British
- B Merangkakan perlembagaan baharu
- C Menentukan sokongan terhadap pembentukan Malaysia
- D Memujuk dan memastikan kesetiaan rakyat


31 Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia.

Apakah faktor pemisahan tersebut?

- I Pembinaan pelabuhan bebas
- II Pembahagian kuasa antara negeri
- III Cadangan cukai tambahan
- IV Menuntut persamaan hak bagi semua kaum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Rajah berikut berkaitan kaedah kerajaan dalam usaha menangani ancaman komunis di Sarawak.



Apakah kaedah X ?

- A Perjanjian
- B Ketenteraan
- C Memenangi hati rakyat
- D Memberi pengampunan

33 Gambar berikut adalah logo Sukan Malaysia (SUKMA).



Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?

- A Memantapkan ekonomi negara
- B Memperkukuh perpaduan rakyat
- C Memajukan industri pelancongan
- D Mengimbangi ekonomi antara kaum

34 Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal oleh kerajaan pada tahun 1971.

Apakah prinsip dasar tersebut?

- I Memperkukuh identiti kenegerian
- II Mengutamakan elemen dari luar
- III Berasaskan kebudayaan rakyat asal
- IV Bertunjangkan ajaran Islam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Dasar penswastan dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Apakah matlamat dasar tersebut?

- I Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
- II Meningkatkan kualiti perkhidmatan
- III Meningkatkan kemajuan ekonomi
- IV Menggiatkan pembukaan tanah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Mengapakah zon perindustrian bebas diwujudkan oleh kerajaan?

- A Menggalakkan pembukaan petempatan baharu
- B Membangunkan prasarana dan kemudahan teknologi
- C Memajukan industri kecil dan sederhana
- D Menggalakkan pelaburan modal asing

37 Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) pada 15 hingga 16 April 1971.

Apakah rasional perjanjian tersebut ditandatangani?

- A Menjana ekonomi negara
- B Memperoleh bantuan teknikal
- C Mengharamkan senjata nuklear
- D Mengurangkan tarif cukai

- 38 Berikut merupakan deklarasi yang dikemukakan Malaysia dalam ASEAN.

Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) diumumkan di Kuala Lumpur pada tahun 1971.

Apakah bukti yang menunjukkan Malaysia akur pada deklarasi tersebut?

- A Menjalin hubungan dengan China
- B Menentang Dasar Aparteid Afrika Selatan
- C Menghalang pengeksploitasian benua Antartika
- D Menandatangani perjanjian pertahanan dengan Britain

- 39 Maklumat berikut berkaitan kerjasama pembangunan ekonomi segitiga yang disertai Malaysia.

- Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT)
- Singapura-Johor-Riau-Growth Triangle (SIJORI-GT)

Apakah manfaat yang diperolehi Malaysia melalui kerjasama serantau?

- A Membangunkan wilayah baru
- B Menangani kemelesetan ekonomi
- C Mengatasi kekurangan tenaga kerja
- D Mengoptimalkan sumber bahan mentah

- 40 Senarai berikut berkaitan NGO yang mewakili suara Malaysia di pentas dunia.

- Aman Palestin
- Muslim Care Malaysia

Apakah sumbangan NGO tersebut?

- A Menyalurkan pelbagai bantuan
- B Melaksanakan sistem kewangan Islam
- C Menubuhkan organisasi negara Islam
- D Mengukuhkan hubungan diplomasi

KERTAS SOALAN TAMAT

SET 4

- 1 Syahbandar merupakan pegawai yang bertanggungjawab di kawasan pelabuhan.

Apakah tugas Syahbandar?

- I Memeriksa alat timbang
- II Menjaga keselamatan penduduk
- III Memastikan pedagang membayar cukai
- IV Menjadi hakim di pelabuhan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 2 Mengapakah hubungan timbal balik antara golongan pemerintah dan diperintah penting kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Kebebasan rakyat
- B Peningkatan taraf hidup
- C Mewujudkan persefahaman
- D Kehidupan bertatatusila

3



Apakah isu yang diperjuangkan oleh beliau berkaitan kaum wanita?

- A Agama Islam
- B Kerjasama Barat
- C Pendidikan wanita
- D Kebudayaan bangsa

- 4 British telah memperkenalkan dasar berikut di Tanah Melayu.

Dasar Desentralisasi

Apakah kesan dasar tersebut terhadap masyarakat Melayu?

- A Aktif dalam ekonomi
- B Peka tentang masa depan
- C Kebudayaan dapat ditingkatkan
- D Menuntut kemerdekaan

- 5 Berikut adalah slogan yang digunakan oleh Jepun

“Semangat Asia” “Asia Untuk Asia”

Apakah matlamat penggunaan slogan tersebut?

- A Meluaskan pasaran ekonomi Jepun
- B Menanam semangat antipenjajah Barat
- C Menyatukan wilayah sebelah Timur
- D Menyebarkan ideologi Jepun

- 6 Mengapakah pentadbiran tentera Jepun memberi layanan kejam kepada orang Cina di negara kita?

- A Mengelak perpaduan
- B Sistem sosial yang berbeza
- C Sejarah pemusuhan perang lalu
- D Mewujudkan persengketaan kaum

- 7 Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

Tarikh	1 Mac – 4 Mac 1946
Tempat	Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur

- A Pengharaman parti politik radikal
- B Pelaksanaan perintah berkurung
- C Pengunduran tentera Jepun
- D Penubuhan UMNO

8 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menentang Malayan Union?

- I Menulis di akhbar tempatan
- II Mengadakan perhimpunan rakyat
- III Membawa kes ke mahkamah
- IV Menghantar surat bantahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Maklumat berikut berkaitan kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Linda dilahirkan di London dan ayahnya merupakan rakyat Raja dan rakyat

Bagaimanakah Linda layak memperoleh kewarganegaraan tersebut?

- A Kuat kuasa undang-undang
- B Percatuman wilayah
- C Pendaftaran
- D Naturalisasi

10 Mengapakah Raja-raja Melayu bersetuju menandatangani perjanjian Persekutuan Tanah Melatu 1948?

- I Pelaksanaan dasar dekolomisasi
- II Kewarganegaraan dilonggorkan
- III Diwujudkan jawatan Yang di-Pertuan Agong
- IV Penubuhan persekutuan bertaraf naungan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Mengapakh Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha menyebarkan pengaruhnya di Tanah Melayu?

- A Keinginan menguasai bahan mentah
- B Kerjasama parti komunis sedunia
- C Kegagalan menguasai Pulau Jawa
- D Penubuhan Parti Komunis Nanyang


12 Maklumat berikut berkaitan tindakan komunis di Tanah Melayu.

- Merosakkan lading getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Membunuh pekerja

Mengapakah komunis bertindak sedemikian?

- A Menentang amalan buruh paksa
 - B Melumpuhkan kegiatan ekonomi
 - C Menyusun semula system pemilikan
 - D Memiliknegarakan sektor perdagangan
- 13 Apakah cadangan yang dipersetujui dalam rundingan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu?
- A Pelantikan suruhajaya bebas
 - B Penetapan kemasukan kaum imigran
 - C Pelaksanaan pilihan raya Majlis Persekutuan
 - D Penubuhan Lembaga Kemajuan Industri Desa (RIDA)
- 14 Bagaimanakah Jawatankuasa Pelajaran 1956 dapat memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Tanah Melayu?
- I Kurikulum yang seragam
 - II Pelajaran percuma kepada pelajar
 - III Sistem persekolahan mengikut bangsa
 - IV Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan?
- A Kuasa Mentadbir di tangan rakyat tempatan
 - B Tanah Melayu bebas daripada cengkaman Komunis
 - C Penubuhan Majlis Raja-raja
 - D Pelaksanaan Sistem Ahli berjalan lancar
- 16 Siapakah wanita pertama yang menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan 1955?
- A Khatijah Sidek
 - B Halimatun Abd Majid
 - C Suriani Abdullah
 - D Ibu Zain

- 17 Manakah yang berikut berkaitan dengan syarat kewarganegaraan berdasarkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Memohon didaftarkan sebagai rakyat
 - II Penguatkuasaan undang-undang
 - III Berdasarkan prinsip jus soli
 - IV Berdasarkan tempat lahir
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 18 Peta menunjukkan perjalanan rombongan kemerdekaan ke London.



Mengapakah Tunku Abdul Rahman dan rombongannya melakukan perjalanan sedemikian?

- A Menerima arahan British
- B Menyusun strategi perundingan
- C Menjimatkan kos pengangkutan
- D Mengikut pertukaran angin monsun

- 19 Gambar menunjukkan Tunku Abdul Rahman dan rombongan diarak di Banda Hilir, Melaka pada tahun 1956.



Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada sejarah negara kita?

- A Pengenalan undang-undang darurat
 - B Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
 - C Pembentukan kabinet pertama
 - D Perlaksanaan pilihan raya umum
- 20 Apakah cabaran kerajaan Persekutuan pada peringkat awal kemerdekaan?
- A Perlaksanaan kutipan cukai
 - B Penggantian pegawai tempatan
 - C Tekanan negara jiran
 - D Tuntutan sempadan
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri negara berdaulat.

Jarak sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand dianggarkan sejauh 646 km.

Bagaimanakah sempadan negara Malaysia ditentukan?

- A Pengiktirafan antarabangsa
 - B Persetujuan kuasa veto
 - C Persepakatan antara kaum
 - D Pengaruh jajahan barat
- 22 Apakah peranan pemerintah dalam mewujudkan kestabilan politik di Malaysia?
- A Mematuhi prinsip perlembagaan
 - B Meningkatkan defisit belajawan
 - C Melebarkan pembangunan wilayah
 - D Memperkenalkan sistem dwi kepartian

- 23 Apakah ciri moden dalam perlembagaan Persekutuan?
- A Agama Islam
 - B Bahasa Melayu
 - C Kewarganegaraan
 - D Pemerintahan Beraja
- 24 Mengapakah berlaku pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963?
- A Pilihan raya umum
 - B Pengukuhan sistem beraja
 - C Pembentukan Malaysia
 - D Pemisahan Singapura
- 25 Mengapakah kebebasan asasi diperuntukkan dalam perlembagaan negara tidak bersifat mutlak?
- A Memastikan ketenteraman
 - B Menghormati institusi beraja
 - C Melindungi hak keistimewaan
 - D Mengawal tindakan pemimpin
- 26 Senarai berikut berkaitan dengan badan eksekutif.
- Perdana Menteri
 - **X**
 - Kementerian
- Apakah X?
- A Jemaah Menteri
 - B Mahkamah Tinggi
 - C Timbalan Perdana Menteri
 - D Perlembagaan Persekutuan
- 27 Sejak tahun 1994, sebanyak 42 buah pulau di perairan negara telah diwartakan sebagai Taman Laut.
- Mengapakah langkah tersebut diambil?
- A Menarik minat pelancong
 - B Memelihara khazanah laut
 - C Mewujudkan identiti negara
 - D Mendapatkan pengiktirafan UNESCO

- 28 Perkara berikut berkaitan dengan kawalan keselamatan di negara kita.

Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM)

Mengapakah kawasan keselamatan tersebut diisytiharkan?

- A Rusuhan kaum
B Serangan lanun
C Ancaman komunis
D Pencerobohan penganas
- 29 Mengapakah Presiden Macapagal dari Filipina menentang pembentukan Malaysia ?
- A Menggugat kemajuan perdagangan Filipina
B Menuntut wilayah Sabah
C Mempertahankan hak pemerintah
D Menganggap satu bentuk penjajahan baharu
- 30 Apakah matlamat penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) pada 1962?
- I Menyediakan rangka perlembagaan
II Memupuk perpaduan antara wilayah
III Mengumpulkan pandangan tentang Malaysia
IV Membentuk keperluan melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 31 Maklumat di bawah berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh negara kita pada awal kemerdekaan.

- Masalah kesihatan dan sosial
- Keperluan asas dan hak wanita

Bagaimanakah isu tersebut diatasi oleh pihak kerajaan?

- A Memperkasakan industri
B Melancarkan program pembangunan negara
C Memperkenalkan program Perancang Keluarga
D Mempelbagaikan bidang pertanian

- 32 Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga.

Apakah langkah yang diambil bagi mengatasi peristiwa tersebut?

- I Mengisytiharkan darurat
- II Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah
- III Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk
- IV Menubuhkan Rancangan Malaysia Pertama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 33 Maklumat berikut merujuk kepada institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Tahun	Institusi
1956	Dewan Bahasa dan Pustaka
1970	Universiti Kebangsaan Malaysia

Mengapakah institusi tersebut ditubuhkan?

- A Menambahkan sumber tenaga mahir
- B Meningkatkan kemahiran rakyat
- C Memartabatkan bahasa kebangsaan
- D Menggalakkan kemasukan pelajar asing

- 34 Kedudukan bahasa Melayu dimartabatkan melalui Akta Bahasa Kebangsaan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.
Bagaimanakah bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan?

- I Menubuhkan institusi pengajian tinggi swasta
- II Memperkasakan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka
- III Menjadi bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara
- IV Melaksanakan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai urusan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 35 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bermatlamat untuk mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara
. Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?
- A Melaksanakan ekonomi kawalan
 - B Memantau pengurusan kewangan
 - C Mengimbangi pembangunan negeri
 - D Mengawal selia kadar inflasi
- 36 Antara berikut yang manakah intensif yang diberikan kepada Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)?
- I Latihan pengurusan harta
 - II Pinjaman tanpa faedah
 - III Pemberian subsidi
 - IV Kemudahan modal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37 Gambar berikut merujuk kepada pelibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau.



Antara berikut, manakah merupakan kerjasama ekonomi yang dilakukan oleh Malaysia ?

- A Mengawal harga dagangan
- B Menyediakan kemudahan kredit
- C Menyokong konsep integrasi ekonomi
- D Menawarkan potongan cukai barangan


- 38 Penyertaan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) bukti bahawa Malaysia mengamalkan dasar luar berdasarkan prinsip neutral, aman, bebas dan berkecuali.

Apakah tindakan yang relevan dengan prinsip tersebut ?

- I Menolak keganasan
- II Menekan konsep ZOPFAN
- III Mendesak pengharaman senjata nuklear
- IV Menandatangani Perjanjian Pertahanan Lima Negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai hubungan yang erat dengan pelbagai kerajaan di rantau atau di luar Alam Melayu pada abad ke-15 dan ke-16.



Apakah kepentingan hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka Abad ke-15?

- I Menjamin kestabilan dan keselamatan kerajaan
- II Memperoleh perakuan tentang kedaulatan
- III Memperkukuh wilayah taklukan
- IV Memperkasa ketenteraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 40 Afrika Selatan mengamalkan Dasar Aparteid

Mengapakah Malaysia begitu tegas menentang dasar tersebut?

- A Menghadkan kawalan keselamatan
- B Melanggar perjanjian ketenteraan
- C Menyekat kebebasan beragama
- D Melaksanakan diskriminasi kaum

SET 5

- 1 Apakah peranan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- I Menjadi tentera
 - II Menghadiri majlis umum
 - III Menjalankan pentadbiran
 - IV Mengutip hasil cukai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 2 Hubungan antara pemerintah dan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dikaitkan dengan konsep
- A Daulat
 - B Naungan
 - C Tulah
 - D Waadat

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh nasionalisme tempatan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Rentap• Tok Janggut |
|--|

Apakah persamaan perjuangan kedua-dua tokoh tersebut?

- A Menuntut bela
 - B Mendaulatkan wilayah
 - C Mencapai kemerdekaan
 - D Mengukuhkan perdagangan
- 4 Apakah isu yang diperjuangkan dalam majalah Bulan Melayu
- A Kemiskinan rakyat
 - B Menentang penjajah
 - C Menubuhkan persatuan
 - D Memartabatkan wanita
- 5 Berikut ialah individu yang terlibat dalam kegiatan anti-Jepun di Tanah Melayu.

- Sybil Kathigasu

Apakah sumbangan beliau dalam kegiatan anti-Jepun?

- A Menyamar sebagai wartawan
- B Memusnahkan sistem pengangkutan
- C Menyebarkan risalah dan propaganda
- D Menyediakan perkhidmatan perubatan

- 6 Senarai di bawah menunjukkan gerakan semasa penguasaan Bintang Tiga

Gerakan Fi-Sabilillah Tentera Selempang Merah
--

Mengapakah orang Melayu membentuk gerakan ini?

- A Mengelak penguasaan Jepun
 - B Memulihkan kesejahteraan
 - C Mendapatkan sokongan British
 - D Mempertahankan maruah bangsa
- 7 Penyerahan Sabah kepada British berlaku pada 26 Jun 1946 melalui satu perjanjian.

Mengapakah penyerahan tersebut berlaku?

- A Muslihat kerajaan British
 - B Masalah kewangan SBUB
 - C Bertentangan dengan perlembagaan
 - D Permintaan rakyat tempatan
- 8 Kongres Melayu merupakan kesungguhan orang Melayu menolak Malayan Union yang disokong oleh Raja-raja Melayu.

Apakah sokongan tersebut?

- A Mendapatkan bantuan luar
 - B Memastikan sokongan British
 - C Memberi bantuan kewangan
 - D Meluluskan pelaksanaan kongres
- 9 Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British.

Apakah bidang kuasa majlis tersebut?

- I Hal ehwal luar
- II Ketenteraman awam
- III Lantikan pemerintah
- IV Syarat kewarganegaraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10 Apakah usaha untuk mewujudkan kerjasama kaum dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Penubuhan Majlis Raja-raja
 - B Pengenalan Majlis Mesyuarat Persekutuan
 - C Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
 - D Penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- 11 Perang saraf ialah rancangan yang dilakukan untuk menghapuskan komunis.
- Apakah tindakan yang dilakukan dalam perang tersebut?
- I Tawaran wang tunai
 - II Perintah berkurung
 - III Pemerkasaan pasukan tentera
 - IV Syarat kerakyatan dilonggorkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Mengapakah perisytiharan darurat seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948?
- A Ancaman gerakan Min Yuen
 - B Serangan terhadap pasukan keselamatan di Johor
 - C Pembunuhan pengurus ladang Eropah
 - D Pertukaran Pesuruhjaya Tinggi British
- 13 Mengapakah kerajaan British memperkenalkan Sistem Ahli di Tanah Melayu?
- A Merangka perlembagaan baharu
 - B Memperkukuh penguasaan politik
 - C Memberi pendedahan mentadbir negara
 - D Membincangkan syarat kewarganegaraan
- 14 Antara berikut, yang manakah merupakan cadangan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956
- I Sekolah Umum (Rendah) menggunakan bahasa Melayu
 - II Sekolah Umum (Rendah) menggunakan bahasa Inggeris
 - III Bahasa Inggeris tidak dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah
 - IV Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 15 Apakah peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu?
- A Mengekalkan kuasa pentadbiran British
 - B Membincangkan soal pentadbiran negara
 - C Merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - D Membincang isu keselamatan dalam negeri
- 16 Bagaimanakah Leong Yew Koh melaksanakan tanggungjawab bagi memenuhi manifesto Parti Perikatan ?
- A Membina satu bangsa melalui pendidikan
 - B Mengurangkan pegawai Eropah secara berperingkat
 - C Meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan
 - D Mendapatkan kemerdekaan negara
- 17 Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap peristiwa bersejarah negara?



Sheikh Abdullah Fahim.

- A Mengetuai perhimpunan agama
 - B Merangka perlembagaan negara
 - C Mencadangkan tarikh kemerdekaan
 - D Menyusun strategi rundingan
- 18 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur.
- Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada negara kita?
- A Memperkuat pertahanan negara
 - B Mengukuhkan perpaduan rakyat
 - C Menjadi asas perlembagaan
 - D Meluaskan hubungan diplomatik
- 19 Sebanyak 101 das tembakan dilepaskan selepas upacara menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu.
- Apakah simbolik tembakan tersebut?
- A Negara berdaulat
 - B Kekuatan pertahanan
 - C Perjuangan kemerdekaan
 - D Lambang perpaduan kaum

20 Senarai berikut menerangkan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu.

- Badan Perundangan
- Badan Eksekutif
- Badan Kehakiman

Kompenan pentadbiran tersebut dikaitkan dengan

- A wilayah pengaruh
- B lambang negara
- C kedaulatan
- D kerajaan

21 Antara berikut, yang manakah ciri negara yang berdaulat?

- I Mempunyai dasar pendidikan
- II Mempunyai pemerintahan
- III Mempunyai rakyat
- IV Mempunyai kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Maklumat berikut merupakan lambang-lambang negara.

- Bendera Jalur Gemilang
- Jata Negara

Mengapakah lambang-lambang negara ini perlu dihormati?

- A Mengamalkan demokrasi berparlimen
- B Memelihara kemakmuran negara
- C Membina sahsiah diri yang mulia
- D Menanam semangat patriotik

23 Pernyataan di bawah berkaitan dengan penubuhan Majlis di Sabah.

X

memberikan kuasa kepada Gabenor untuk membuat undang-undang

Apakah X?

- A Majlis Kerja
- B Majlis Negeri
- C Majlis Tertinggi
- D Majlis Undangan

- 24 Penggubalan undang-undang di Malaysia dilakukan oleh badan yang sah dalam perundangan.
- Apakah badan tersebut?
- A Parlimen
 - B Suruhanjaya
 - C Majlis Negara
 - D Jemaah Menteri
- 25 Parlimen adalah badan perundangan tertinggi di Malaysia. Apakah tugas badan tersebut?
- I Memilih ketua negara
 - II Meluluskan cukai baharu
 - III Meluluskan perbelanjaan
 - IV Melantik Perdana Menteri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 26 Apakah keunikan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang wujud di negara kita?
- A Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
 - B Membawa perkongsian kuasa antara kaum
 - C Membentuk kerajaan Persekutuan yang kuat
 - D Mewujudkan mekanisme semak dan imbang
- 27 Mengapakah kerajaan menyediakan perumahan *Flat Pekeliling* di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur?
- A Menghapuskan kemiskinan
 - B Pelaburan kewangan kerajaan
 - C Menjana pendapatan kerajaan
 - D Penempatan awal kemerdekaan
- 28 Antara berikut, manakah majlis yang ditubuhkan kerajaan bagi menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?
- A Majlis Perumahan
 - B Majlis Adat-Istiadat
 - C Majlis Kewangan
 - D Majlis Air

- 29 Perjanjian Malaysia ialah sebuah dokumen yang ditandatangani pada 1963 di London.

Apakah inti pati Perjanjian Malaysia?

- I Tarikh pembentukan Malaysia ialah pada 31 Ogos 1963
- II Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri
- III Sarawak dan Sabah diberikan hak menubuhkan Majlis Perundangan Negeri
- IV Kerusi Parlimen diberikan sama rata kepada Singapura, Sarawak dan Sabah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 30 Pada 30 September 1965 telah berlaku peralihan kepemimpinan di Indonesia.

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap negara kita ?

- A Dasar konfrontasi berakhir
- B Konflik yang berterusan
- C Mengancam kedudukan Malaysia
- D Hubungan diplomatic terputus

- 31 Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga.

Apakah langkah yang diambil bagi mengatasi peristiwa tersebut?

- I Mengisytiharkan darurat
- II Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah
- III Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk
- IV Menubuhkan Rancangan Malaysia Pertama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 MAGERAN diberi kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971.

Apakah tanggungjawab majlis tersebut?

- A Mengelakkan ketegangan kaum
- B Menggubal perlembagaan negeri
- C Menguatkuasakan Akta Hasutan
- D Menyusun perkhidmatan Kerajaan

33 Maklumat di bawah berkaitan dengan agensi yang ditubuhkan di Malaysia.

- Jabatan Perpaduan Negara
- Majlis Muhibbah Negara
- Majlis Perundingan Negara

Apakah tujuan agensi tersebut ditubuhkan?

- A Melicinkan urusan pentadbiran
- B Memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional
- C Memperkasakan sistem pendidikan kebangsaan
- D Meningkatkan ekonomi negara

34 Prinsip Rukun Negara yang kelima ialah kesopanan dan kesusilaan.

Mengapakah kita perlu menghayati prinsip tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
- B Mengekalkan persamaan hak
- C Mewujudkan komuniti berdaya saing
- D Melahirkan masyarakat yang bertoleransi

35 Antara berikut yang manakah intensif yang diberikan kepada Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)?

- I Latihan pengurusan harta
- II Pinjaman tanpa faedah
- III Pemberian subsidi
- IV Kemudahan modal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Apakah impak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam pembinaan kemakmuran negara.

- A Kemunculan golongan pertengahan
- B Amalan percukaian diperkenalkan
- C Perubahan sistem pentadbiran
- D Mendapat pengiktirafan antarabangsa

- 37 Jadual berikut berkaitan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam menangani isu politik negara Islam.

Isu Politik	Sumbangan
Perang Iran - Iraq	Menghantar tentera pemerhati PBB
Kekejaman Zionis Israel di Palestin	X

Apakah **X**

- A Menyokong kemerdekaan negara
- B Menyediakan dana pembangunan
- C Memberi latihan ketenteraan
- D Menghantar misi pengaman

- 38 Apakah tujuan Malaysia mengadakan hubungan luar dengan negara berikut?

Hubungan Luar Negara Malaysia
Negara – negara Komanwel
Negara – negara Berkecuali
Negara – negara Selatan

- I Menjamin keselamatan
- II Mengukuhkan ekonomi
- III Mengadakan pakatan ketenteraan
- IV Memantapkan struktur pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Apakah cadangan Malaysia bagi mengatasi isu Antartika?

- A Menjadikannya warisan sejagat
- B Menempatkan pasukan keselamatan
- C Membenarkan dikuasai kuasa besar
- D Melarang sebarang aktiviti penyelidikan

- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Kerelevanan Organisasi Antarabangsa

Mengapakah Malaysia berpandangan PBB tidak mampu berfungsi dengan baik?

- A Kerakusan kuasa luar
- B Penyalahgunaan kuasa veto
- C Perlumbaan teknologi senjata
- D Kemelesetan ekonomi sejagat

KERTAS SOALAN TAMAT

TINGKATAN 4

BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

1 Kemunculan dan kemasyhuran kerajaan Alam Melayu membuktikan ciri-ciri warisan negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat.

(a) Nyatakan **dua** ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

i)

ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu di 1(a).

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Huraikan kepentingan mengekalkan warisan negara bangsa kita.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Hubungan secara timbal balik pemerintah dan rakyat telah mengukuhkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang membawa kegemilangan kesultanan ini.

(a) Namakan **satu** golongan pemerintah dan **satu** golongan rakyat zaman Kesultanan Melayu Melaka.

i) Golongan pemerintah

.....
[1 markah]

ii) Golongan rakyat

.....
[1 markah]

(b) Jelaskan peranan golongan pemerintah dan golongan rakyat.

i) Golongan pemerintah

.....
.....
.....
[2 markah]

ii) Golongan rakyat

.....
.....
.....
[2 markah]

(c) Mengapakah kita perlu mengekalkan hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat?

.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

3 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

(a) Jelaskan kandungan kedua-dua undang-undang tersebut

i) Hukum Kanun Melaka

[6 markah]

ii) Undang-undang Laut Melaka

[6 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya rakyat negara kita tidak mematuhi undang-undang?

[8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME

1 Nasionalisme di Thailand dipelopori oleh Raja Thailand melalui usaha pemodenan.

(a) Namakan **dua** tokoh Raja Thailand yang melakukan usaha pemodenan di Thailand.

i)

ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah usaha-usaha pemodenan tersebut dilakukan?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Sebagai seorang pemimpin negara abad ke-21, apakah persiapan yang boleh anda lakukan bagi menghadapi cabaran imperialisme bentuk baharu?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Perjuangan semangat nasionalisme pada abad ke-20 di negara kita turut didorong oleh persatuan-persatuan yang bersifat sosiobudaya.

(a) Namakan **dua** persatuan yang muncul ketika itu.

i)

ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan matlamat perjuangan persatuan di 1(a)

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Objektif sesuatu persatuan akan tercapai sekiranya mempunyai pemimpin yang sanggup bekerja tanpa mengira kepentingan sendiri serta menjaga hubungan baik dengan ahli-ahli persatuan.

Sumber: Utusan Borneo Online, 11 Februari 2020

Ulasakan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 3 Nasionalisme digerakkan melalui penulisan oleh tokoh nasionalis melalui akhbar dan majalah.
- (a) Jelaskan konsep nasionalisme. [4 markah]
 - (b) Bagaimanakah gerakan nasionalisme melalui penulisan akbar dan majalah dilakukan? [8 markah]
 - (c) Beri cadangan anda untuk meningkatkan peranan akhbar pada hari ini dalam memajukan masyarkat. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

1 Perang Dunia Pertama berlaku dari tahun 1914 hingga tahun 1918.

(a) Mengapakah peperangan tersebut berlaku?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Terangkan kesan peperangan tersebut terhadap keamanan dunia.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Sekiranya anda sebahagian daripada generasi muda yang cintakan keamanan dan kesejahteraan. Jelaskan harapan anda kepada pemimpin dunia supaya keamanan dan kesejahteraan dunia berkekalan.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Selepas Jepun menyerah kalah, Parti Komunis Malaya (PKM) telah mengambil kesempatan menguasai Tanah Melayu dan menubuhkan Bintang Tiga. Ketika inilah tercetusnya beberapa siri pergaduhan kaum akibat kekejaman Bintang Tiga.

Sumber: Arkib Negara

(a) Mengapakah Bintang Tiga mengambil kesempatan menguasai Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan untuk mengatasi masalah pergaduhan kaum akibat kekejaman Bintang Tiga.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)

Keharmonian antara kaum di Malaysia memacu kemajuan negara dan memastikan pembangunan yang mampan untuk semua rakyatnya. Sumber: Majlis Keselamatan Negara

Ulaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Kegiatan anti-Jepun turut digerakkan secara individu seperti penentangan Gurchan Singh dan Sybil Kathigasu.

(a) Jelaskan sumbangan mereka dalam kegiatan anti-Jepun.

(i) Gurchan Singh [6 markah]

(ii) Sybil Kathigasu [6 markah]

(b) Bagaimanakah sifat berani berkorban yang ditonjolkan oleh kedua-dua tokoh tersebut boleh diteladani oleh generasi kini bagi memantapkan kedaulatan negara? [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

1 Maklumat berikut berkaitan dengan system pentadbiran di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua,

Pentadbiran	Tarikh
British Military Administration (BMA)	12 September 1945
Malayan Union (MU)	1 April 1946

(a) Mengapakah British memperkenalkan sistem pentadbiran tersebut?

(i) British Military Administration (BMA)

.....

 [2 markah]

(ii) Malayan Union (MU)

.....

 [2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri pentadbiran Malayan Union 1946.

.....

 [2 markah]

(c) Pentadbiran Malayan Union ditentang hebat oleh Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

Ramalkan keadaan negara sekiranya pentadbiran Malayan Union kekal dilaksanakan di negara kita.

.....

 [4 markah]

2 Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu dan mendapat tentangan daripada Raja-raja Melayu.

(a) Jelaskan tujuan British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Bagaimanakah penentangan yang dilakukan oleh Raja-raja Melayu?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Apakah iktibar daripada peristiwa penentangan terhadap Malayan Union.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua di Sarawak dan Sabah.

TARIKH	PERISTIWA
1 Julai 1946	Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British
15 Julai 1946	Penyerahan Sabah kepada British

(a) Jelaskan faktor penyerahan Sarawak kepada British. [6 markah]

(b) Mengapakah penyerahan Sabah kepada British tidak menimbulkan sebarang penentangan? [6 markah]

(c) Baca petikan berikut.

Penentangan demi penentangan telah dilakukan oleh rakyat tempatan di Sarawak sebagai tanda protes terhadap penyerahan Sarawak kepada British. Pelbagai cara telah dilakukan oleh gerakan anti-penyerahan ini untuk memperjuangkan misi mereka. Menurut Mohd. Hasbie (1989), golongan anti-penyerahan telah menghantar surat, kawat dan telegram bantahan kepada kerajaan British, tetapi tidak diendahkan oleh British.

Gerakan ini turut menganjurkan tunjuk perasaan dan bertindak memulaukan perlantikan Gabenor Sarawak. Tunjuk perasaan yang terbesar berlaku di Kuching pada 1 Julai 1947 yang disertai oleh PKMS, BPM dan PDS bagi membantah perlantikan Charles Arden Clarke sebagai Gabenor Sarawak yang pertama.

Begitu juga, gerakan anti-penyerahan bertindak menampal poster dan sepanduk di setiap kampung dan juga kampus. Antara poster yang ditampal adalah mengandungi ayat provokatif seperti "Sarawak adalah hak kami, leburkan kolonial".

Sumber Diubah suai: <http://pismipsejarah.com/2015/02>

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan iktibar yang boleh diambil. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

1 Sebuah Jawatankuasa kerja dibentuk untuk merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(a) Namakan dua pihak ahli yang terlibat dalam jawatankuasa tersebut.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(b) Jelaskan cadangan Jawatankuasa Kerja.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)

Raja dan rakyat berpisah tiada

Berdasarkan pengetahuan sejarah, beri komen anda tentang ungkapan di atas.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Jawatankuasa Kerja mengambil masa selama lima bulan untuk merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Ciri-cirinya termasuklah pentadbiran, kuasa Raja-raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan

(a) Jelaskan ciri Persekutuan Tanah Melayu dalam aspek berikut;

(i) Pentadbiran

.....
.....
[2 markah]

(ii) Kuasa Raja-raja Melayu

.....
.....
[2 markah]

(iii) Kuasa Raja-raja Melayu

.....
.....
[2 markah]

(b) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia?

.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT

1 Walaupun Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan di seluruh Tanah Melayu, komunis tetap meneruskan aktiviti menggugat keamanan dan kestabilan negara

(a) Nyatakan sebab pihak komunis melakukan huru hara dalam negara.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah pihak komunis mencapai matlamat di atas?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Pada 2 Disember 1989, perjanjian damai ditandatangani oleh Malaysia dengan PKM dan PKM bersetuju meletak dan menyerahkan senjata sepenuhnya serta menamatkan ancaman mereka di Tanah Melayu.

Sumber: www.arkib.gov.my

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah PKM mengambil tindakan tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 British mengisytiharkan Undang-Undang Darurat di Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 dan usaha-usaha lain bagi menangani ancaman komunis.

(a) Jelaskan usaha menangani ancaman komunis dalam aspek berikut;

(i) Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat

.....
.....
.....

[3 markah]

(ii) Perang Saraf

.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Teliti pernyataan berikut

Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah menghargai pengorbanan generasi silam yang bertungkus-lumus untuk menjadikan negara ini aman damai. Sewajarnya ia perlu dipertahankan bersama dengan apa cara sekali pun demi sebuah negara tercinta.

Sumber: Ubahsuai Minggu Siasah, 16 – 22 Mac 2012

Berdasarkan petikan dan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah generasi muda dapat mempertahankan keamanan negara?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Pengisytiharan darurat di Tanah Melayu bermula pada tahun 1948 hingga 1960 mengambil masa selama 12 tahun. Ianya merupakan titik hitam dalam sejarah negara dan perlu direnungi oleh generasi pada masa kini.

(a) Mengapakah tindakan tersebut dilaksanakan?

[4 markah]

(b) Huraikan kesan zaman darurat terhadap sosioekonomi penduduk tempatan.

[8 markah]

(c)



Huraikan maklumat yang terdapat dalam infografik di atas dan kesannya sekiranya amalan kesihatan diabaikan.

[8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

1 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK) atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum

a) Nyatakan **dua** isu yang perlu diselesaikan oleh jawatankuasa tersebut.

i)

ii)

[2 markah]

b) Jelaskan kejayaan CLC dalam menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Berikut adalah pepatah Melayu.

**Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat**

Mengapakah amalan tersebut penting dalam menjamin kesejahteraan negara?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Selepas Perang Dunia Kedua, banyak parti politik ditubuhkan di negara kita pada tahun 1940-an dan 1950-an.

a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

.....
.....
.....

[2 markah]

b) Sebelum wujud kerjasama parti politik, terdapat pakatan antara gerakan tertentu yang merintis kerjasama kaum untuk mencapai kemerdekaan.

Jelaskan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c)

<p>Kuching: Permuafakatan masyarakat penting bagi memastikan perpaduan sentiasa kukuh supaya keharmonian hidup rakyat berbilang kaum dan agama negeri ini terpelihara dengan baik.</p> <p>Sumber : Diubah suai Borneo Post Online, 30 Oktober 2016</p>
--

Utlaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3



Sekolah Vernakular

- (a) Jelaskan sistem pendidikan di negara kita semasa pentadbiran British. [4 markah]
- (b) Terangkan usaha – usaha ke arah pembentukan sistem pendidikan kebangsaan di negara kita sebelum mencapai kemerdekaan. [8 markah]
- (c) Infografik berikut berkaitan dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan



Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha mencapai matlamat pendidikan.

[8 markah]

.....

.....

.....

.....

- 1 Gambar menunjukkan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955.



- (a) Senaraikan **dua** jawatan yang terdapat dalam kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu berjaya mewujudkan perkongsian kuasa antara kaum. Buktikan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Di negara kita, pilihan raya bermula dengan pilihan raya majlis perbandaran, pilihan raya negeri dan pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1955.

(a) Jelaskan maksud pilihan raya?

.....
.....

[2 markah]

(b) Apakah syarat dalam pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dalam aspek berikut :

(i) Pengundi

.....
.....

[2 markah]

(ii) Calon

.....
.....

[2 markah]

(c) Rajah menunjukkan kerjasama politik di negara kita.

Tahun Pembentukan	Kerjasama Politik
1954	Parti Perikatan
1974	Parti Perikatan menukar nama kepada Barisan Nasional
1999	Barisan Alternatif
2008	Pakatan Rakyat
2023	Kerajaan Perpaduan

Mengapakah kerjasama politik menjadi amalan demokrasi di negara kita sehingga kini?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Setelah berlangsungnya pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan, negara kita melalui satu perkembangan baharu dalam sejarah demokrasi negara

(a) Apakah perubahan yang berlaku selepas pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 di megara kita? [4 markah]

(b) Bagaimanakah proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dijalankan. [8 markah]

(c) Pada 16 Julai 2019, sejarah baru tercipta di Malaysia di mana Undi18, iaitu satu kempen telah berjaya untuk melayakkan golongan muda berumur 18 tahun untuk mengundi dan menjadi calon dalam pilihan raya. Ini ialah bukti pemerkasaan demokrasi yang dimulakan oleh anak muda.

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 itu memperolehi sokongan 211 daripada 222 ahli Parlimen iaitu lebih dari dua pertiga persetujuan ahli-ahli Dewan Rakyat selepas dua kali undian dilakukan. Hasilnya, umur mengundi dan kelayakan menjadi wakil rakyat di Malaysia diturunkan dari 21 tahun ke 18 tahun.

Keputusan ini dibuat berikutan Mahkamah Tinggi Kuching memutuskan bahawa Undi18 dan pendaftaran pemilih secara automatik perlu dilaksanakan menjelang 31 Disember tahun ini. Putrajaya akur dengan keputusan tersebut. Perubahan ini menunjukkan Malaysia telah bersedia untuk mencontohi demokrasi negara maju dan negara membangun yang lain.

Mengikut garis panduan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Convention on the Rights of the Child), umur 18 tahun ini diiktiraf sebagai cukup dewasa dan boleh membuat keputusan.

Sumber ubahsuai <https://www.malaysiakini.com/announcement/609111>

Apakah maklumat dalam petikan di atas dan mengapa pilihan raya sesebuah negara diadakan?

[8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957.

1 Persetujuan kerajaan British untuk memberikan kemerdekaan kepada negara kita adalah melalui Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu.

a) Senaraikan pihak yang terlibat dalam rundingan kemerdekaan di London pada tahun 1956.

i).....

ii).....

[2 markah]

b) Jelaskan perkara yang dirundingkan oleh pihak yang terlibat di soalan 1(a).

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Baca pernyataan berikut.

Kemerdekaan yang sebenar bukan sahaja kemerdekaan dari jajahan tanah air tetapi kemerdekaan dari semua aspek sama ada pemikiran, tingkah laku dan budaya.
Sumber diubahsuai : <https://www.mstar.com.my/xpose/addin/2021/08/30/hayati-makna-kemerdekaan>

Huraikan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 a) Apakah yang anda faham tentang erti kemerdekaan?

.....
.....

[2 markah]

b) Terangkan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam sejarah kemerdekaan negara?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Perkara yang termaktub dalam perlembagaan tidak boleh dipersoalkan.

Mengapakah perkara tersebut berlaku?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 3 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan telah berunding dengan pelbagai pihak dalam membentuk sebuah negara merdeka.
- (a) Terangkan langkah pengubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. [6 markah]
 - (b) Jelaskan intipati perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [6 markah]
 - (c) Petikan berikut berkaitan dengan pindaan perlembagaan Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda selepas pembentukan Malaysia. Pindaan yang dibuat adalah dengan cara memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa.

Berdasarkan pernyataan berikut, ulaskan kepentingan pindaan perlembagaan dalam menjamin kedaulatan negara. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 10: PEMASHURAN KEMERDEKAAN

1 Penonjolan identiti negara seperti lambang-lambang negara diberikan perhatian oleh Jawatankuasa Persediaan Fizikal sebelum sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara pada tahun 1957.

(a) Namakan dua lambang negara.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Mengapakah lambang-lambang di 1 (a) penting kepada negara kita?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)

Amat menyedihkan apabila melihat Jalur Gemilang yang menjadi simbol kebanggaan dan penyatuan semua bangsa dalam negara menjadi mangsa vandalisme, dirosakkan, terbengkalai dibakar, serta diubah bentuknya mengikut cita rasa sesetengah pihak. Jika ini dibiarkan berlaku ia bukan sahaja akan mengundang perasaan tidak puas hati ramai pihak malah akan merosakkan identiti negara ini di mata dunia.

Ubahsuai dari sumber : <https://www.jpnn.gov.my/sites/default/files/Kajian>

Berdasarkan petikan di atas, apakah tindakan yang wajar diambil supaya kejadian tersebut tidak berlaku?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Kemerdekaan yang diperoleh memberikan kesan terhadap negara dalam aspek politik terutama pada peringkat awal kemerdekaan.

(a) Jelaskan kesan kemerdekaan dari sudut politik;

(i) Peringkat negara

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(ii) Peringkat antarabangsa

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Bagaimanakah cara untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang cemerlang di negara kita?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377 Hijrah merupakan peristiwa yang penuh pengertian bagi negara kita.

(a) Apakah yang anda faham dengan konsep kemerdekaan?

[4 markah]

(b) Perasmian kemerdekaan negara bermula pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor.

Galurkan peristiwa bersejarah tersebut.

[8 markah]

(c) Teliti gambar perasmian kemerdekaan negara berikut.



Jelaskan perasaan anda sekiranya anda turut berada bersama dalam peristiwa tersebut dan cadangkan langkah-langkah untuk mengekalkan kedaulatan negara?

[8 markah]

TINGKATAN 5

BAB 1: KEDAULATAN NEGARA

1 Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 telah mengukuhkan serta memantapkan negara bangsa kita yang bebas dan berdaulat.

(a) Nyatakan **dua** kepentingan mewujudkan negara berdaulat.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah kepentingan dalam 1(a) dapat mengukuhkan kedaulatan negara?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)

Konsep kedaulatan dan keselamatan saling berkait satu sama lain. Perbezaan kaum dan agama tidak sepatutnya dijadikan halangan kepada usaha memakmurkan negara.

Sumber Diubah suai: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021>

Ulaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia kini sebuah negara yang berdaulat yang berupaya menentukan hala tuju negara dengan lebih baik.

(a) Apakah yang anda faham tentang konsep kedaulatan?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Huraikan peranan dibawah dalam mengukuhkan perpaduan negara?

(i) Pemerintah

.....
.....
.....

[2 markah]

(ii) Rakyat

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Maklumat dibawah merupakan prinsip Rukun Negara yang keempat.

Kedaulatan Undang-undang

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah seorang wargenegara berperanan dalam mematuhi prinsip tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Sebagai rakyat Malaysia kita perlu memahami pentingnya mewujudkan dan mengekalkan kedaulatan negara.

(a) Apakah kepentingan mewujudkan kedaulatan negara? [4 markah]

(b) Huraikan perkara berikut dalam konsep mempertahankan kedaulatan :

i) Peranan Pemerintah. [4 markah]

ii) Peranan Rakyat [4 markah]

(c) Teliti poster di bawah.



Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster tersebut dan cabaran mengekalkan kedaulatan negara. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1 Undang-undang berikut menjadi asas kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan.



(a) Jelaskan ciri-ciri berikut :

(i) Undang-undang Negeri Melayu.

.....

.....

.....

[3 markah]

(ii) Undang-undang Inggeris.

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Bagaimanakah undang-undang dan adat Melayu berperanan dalam pentadbiran kerajaan Melayu sebelum kedatangan Barat?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2 Pindaan perlembagaan di negara kita antaranya telah dilaksanakan pada tahun 1963 dan tahun 1965.

(a) Mengapakah kedua-dua pindaan perlembagaan tersebut dilakukan?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan perkara yang terkandung dalam pindaan perlembagaan pada tahun 1963.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Perlembagaan Malaysia terus mengalami pindaan sehingga hari ini.

Mengapakah pindaan tersebut perlu dilaksanakan?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan negara.

(a) Jelaskan ciri utama pelembagaan berikut :

i) Ciri-ciri tradisional. [3 markah]

ii) Ciri-ciri moden. [3 markah]

(b) Bagaimana pilihan raya berperanan dalam sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen di negara kita? [6 markah]

(c)

Setiap undang-undang dan sistem perundangan secara universal mempunyai tujuan utama, iaitu menyediakan peraturan yang mesti dipatuhi oleh setiap ahli masyarakat dengan cara menetapkan standard serta batasan dalam setiap aktiviti. Tidak ada sesiapa atau mana-mana pihak yang boleh dibiarkan melampau atau berlebih-lebihan sehingga menindas anggota masyarakat yang lain.

Selain meletakkan standard atau batasan kepada tindak-tanduk manusia, undang-undang juga bertujuan mengekalkan dan mewujudkan ketenteraman dalam masyarakat. Ia bertujuan memberhentikan dan menghalang ahli masyarakat daripada melakukan perkara jahat atau tidak bermoral.

Undang-undang juga bertujuan mengajak dan menggalakkan ahli masyarakat, termasuk pimpinannya untuk melakukan perkara yang betul. Ia menggalakkan kebaikan bersama dalam masyarakat dan menjana kehidupan bersama yang aman damai dengan menggalakkan toleransi antara puak atau kumpulan masyarakat.

Kalau dilihat secara amnya, setiap perkara di Malaysia ini mempunyai peraturan dan undang-undangnya yang tersendiri. Ia menunjukkan betapa kita mencintai keberadaan dan ketertiban. Namun, sedihnya peraturan yang direka semua ini hanya akan menjadi tulisan di atas kertas jika penguatkuasaannya lemah.

Sumber diubah usai :<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/74862/penguatkuasaan-undang-undang-perlu-tegas>.

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan dan mengapakah perlembagaan penting kepada sesebuah negara?

[8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 3: RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

Yang Di-Pertuan Agong mempunyai kuasa atau peranan yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman.

(a) Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dilantik?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam pemerintahan negara.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Mengapakah institusi beraja masih relevan sehingga kini?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) merupakan institusi Hak Asasi kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999, Akta 597.

(a) Apakah yang anda faham tentang kebebasan asasi?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan hak kebebasan asasi bagi setiap rakyat Malaysia yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Kebebasan hak asasi manusia perlu ada batasan.

Sumber : BH online, 25 Mac 2016

Berikan ulasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Kuasa pemerintahan di negara kita dibahagikan kepada tiga badan iaitu badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman. Badan perundangan pada peringkat negeri ialah Dewan Undangan Negeri (DUN) manakala pada peringkat kerajaan Persekutuan ialah Parlimen.

(a) Apakah yang anda faham tentang Dewan Undangan Negeri (DUN)

[4 markah]

(b) Jelaskan kedudukan Parlimen pada peringkat Kerajaan Persekutuan.

[8 markah]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut;

Perkara 10 (2) Perlembagaan Malaysia memperuntukkan Parlimen boleh menggubal undang-undang untuk mengenakan sekatan yang perlu demi kepentingan keselamatan negara. Undang-undang itu diwujudkan untuk mengawal aktiviti berkaitan hak asasi supaya ia tidak membawa mudarat kepada negara dan Masyarakat.

Sumber ubahsuai: www.Utusan.com.my

Beri ulasan anda berkaitan petikan tersebut.

[8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 4: SISTEM PERSEKUTUAN

1 Pentadbiran kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

(a) Apakah bidang kuasa bagi kerajaan berikut?

(i) Kerajaan Persekutuan [1 markah]

.....

(ii) Kerajaan Negeri [1 markah]

.....

(b) Bagaimanakah Kerajaan Tempatan memainkan peranannya terhadap masyarakat setempat?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah Perlembagaan Persekutuan mewujudkan pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Kerjasama Kerajaan Persekutuan, Negeri memberi manfaat kepada rakyat.

- (a) Apakah bentuk kerjasama yang dibuat dalam pemuliharaan khazanah Negara. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menangani isu perumahan rakyat? [6 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

PUTRAJAYA: Kerajaan Persekutuan menambah baik pemberian dan sokongan kepada kerajaan negeri menerusi Mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2023. Antaranya ialah meningkatkan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian TAHAP) kepada RM400 juta.

Kementerian Kewangan akan menambah peruntukan sebanyak RM250 juta bagi penyelenggaraan berkala Jalan Persekutuan supaya sentiasa selamat dan selesa untuk kegunaan rakyat.

Bagi tujuan penambahbaikan ke atas pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri, Kementerian Kewangan bersetuju mempertimbangkan dan meminda kaedah pengeluaran kepada secara bayaran kemajuan kerja melibatkan pinjaman baharu bagi projek-projek pembangunan di bawah Rolling Plan Rancangan Malaysia.

Pemberian-pemberian ini diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerajaan negeri bagi demi pembangunan negara lebih seimbang selaras dengan gagasan Malaysia Madani.

Sumber ubah suai: <https://www.utusan.com.my>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

[8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 5: PEMBENTUKAN MALAYSIA

1 Kesepakatan antara Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura menzahirkan pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

a) Apakah yang anda faham dengan konsep gagasan Malaysia?

.....
.....
.....

[2 markah]

b) Jelaskan rasional idea pembentukan Malaysia.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c)

<p>Kestabilan sosiopolitik adalah penting dalam mewujudkan suasana aman dan harmoni di kalangan rakyat Malaysia. Kerajaan bertanggungjawab untuk menjunjung Raja Perlembagaan, demokrasi berparlimen, keluhuran Perlembagaan kedaulatan undang-undang, sistem pentadbiran Persekutuan, menghormati dan menjamin hak-hak asasi rakyat berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama, rakyat juga bertanggungjawab untuk menyokong dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara.</p> <p>Sumber : https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads</p>
--

Sebagai rakyat yang bertanggungjawab apakah peranan anda dalam mengekalkan kestabilan negara ?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Usul pembentukan Malaysia dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961 dan mendapat sokongan majoriti ahli dewan.

a) Nyatakan dua langkah pembentukan Malaysia

(i).....

(ii).....

[2 markah]

b) Jelaskan tentang Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Keratan akhbar adalah berkaitan dengan pengumuman dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia pada Januari 1963.



Sumber : Arkib Negara Malaysia

- (a) Jelaskan dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia [6 markah]
- (b) Terangkan usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi menamatkan konfrontasi tersebut ? [6 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

KEMERDEKAAN yang kita kecapai hari ini merakamkan pahit getir usaha pejuang terdahulu. Namun, selepas 63 tahun, adakah kita benar-benar merdeka? Adakah kemerdekaan itu diukur sekadar keluarnya penjajah daripada tanah air ini?

Sebelum campur tangan penjajah, Tanah Melayu sudah mencapai ketamadunan unggul pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ketika zaman emas ini, tamadun kita mempunyai bahasa dan budaya sendiri serta berteknologi tinggi.

Malah, sistem undang-undang Melaka dulu diguna pakai pelbagai bangsa dan pemerintahan yang berasaskan Islam.

Namun, kehadiran penjajah mengubah segala kejayaan dikecapi dalam era Kesultanan Melayu Melaka sehingga menjadi bangsa yang merempat di tanah sendiri. Walaupun beroleh kemerdekaan selepas dijajah beratus tahun, negara tidak kembali semula kepada asal seperti sebelum era kolonialisme. Penjajah mengubah hampir seluruh kehidupan bangsa Melayu sehingga hilang jati diri.

Sehingga kini, negara seakan-akan lumpuh tidak mampu bangun sendiri kerana seolah-olah masih lagi terikat dalam aspek ekonomi, budaya dan sistem berpandukan Barat, malah kuasa Sultan yang mutlak bertukar kepada Raja Berperlembagaan serta bercorakkan sistem pemerintahan demokrasi.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/rencana/mindapembaca>

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya tidak berwaspada terhadap anasir luar. [8 markah]


.....

.....

.....

BAB 6: CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

1 Rajah berikut menunjukkan pelbagai cabaran dalaman yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia.



a) Nyatakan cabaran Malaysia dalam usaha membangunkan sosioekonomi di Sarawak dan Sabah.

.....
.....
.....

[2 markah]

b) Jelaskan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu di 1(a)

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) ‘Serumpun bak serai, sesusun bak sirih,’ begitulah perumpamaan yang boleh digambarkan oleh rakyat Malaysia.

Sumber : https://akademik.upm.edu.my/article/perpaduan_kaum_di_malaysia

Pada pendapat anda, mengapakah perpaduan kaum dan integrasi nasional di negara ini perlu diperkukuhkan?

.....
.....
.....
.....
.....

2 Kegiatan komunis menjadi ancaman kepada keselamatan negara sejak sebelum merdeka

a) Apakah bentuk ancaman yang dilakukan oleh komunis terhadap negara kita.

.....
.....
.....

[2 markah]

b) Bagaimanakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi membanteras ancaman tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c)

Kemerdekaan negara ini telah diusahakan menerusi pelbagai cara dan melalui jalan yang panjang. Di antara halangan paling mencabar dan paling pahit dilalui ialah pemberontakan atau revolusi bersenjata yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya(PKM). Usaha perpaduan yang cuba dibentuk benar-benar teruji pada waktu revolusi PKM ini berlangsung.

Peristiwa revolusi ini telah mengambil masa yang panjang dan hampir menjadikan kemerdekaan sesuatu yang mustahil kepada negara. Walau bagaimanapun atas usaha semua pihak sama ada kerajaan ataupun rakyat telah memungkinkan kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957. Kemerdekaan ini dicapai setelah pelbagai usaha dilakukan bagi menangani pemberontakan yang berlaku.

Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada ancaman komunis di negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Kerajaan telah membentuk rancangan pembangunan lima tahun bagi memastikan usaha pembangunan dan ekonomi nasional dapat dilaksanakan di semua negeri termasuk Sarawak dan Sabah.

(a) Apakah isu pembangunan dan ekonomi yang perlu ditangani oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat. [6 markah]

(b) Jelaskan usaha Kerajaan untuk menangani isu di 3(a). [6 markah]

(c)

Negara telah mencapai pembangunan ekonomi yang membanggakan dalam usaha mengubah struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat pelbagai kaum sejak diperkenalkan rancangan pembangunan lima tahun. Rancangan pembangunan negara Kerajaan Persekutuan telah bermula seawal tahun 1950-an dengan wujudnya Rancangan Malaya Pertama 1952-1955.

Selepas mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, negara telah mencapai kemajuan yang membanggakan dalam usaha merubah struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berlangsung dari 1970-1990. Program-program pembangunan dilaksanakan bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat sertamenghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Sumber : <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article>

Beri komen anda terhadap maklumat yang terkandung dalam petikan dan jelaskan peranan rakyat dalam membangunkan negara.

[8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 7: MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

1 Seiring dengan kemerdekaan negara, bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan.

(a) Nyatakan dua langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan meningkatkan martabat bahasa Melayu?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional melalui kesenian dan kebudayaan.

(a) Nyatakan dua prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan usaha bagi menjayakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di negara kita.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) “Rakyat yang bersatu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya adalah asas kepada penyatuan negara bangsa”

Sumber : <http://www.motac.gov.my/muat-turun/send/123-dasar-kebudayaan-negara>.

Berikan ulasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Dasar Pendidikan Kebangsaan dilaksanakan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Semua dasar pendidikan sebelum ini disemak semula tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

- (a) Nyatakan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan. [4 markah]

- (b) Jelaskan kandungan laporan berikut:
 - (i) Laporan Rahman Talib [4 markah]
 - (ii) Laporan Jawatankuasa Kabinet [4 markah]

- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Negara perlu bersiap sedia melakukan anjakan sistem pendidikan selari dengan perkembangan teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

Fakulti AI di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan menjadi pemangkin kepada sistem pendidikan bersepadu AI. Fakulti AI UTM berjaya ditubuhkan dalam tempoh empat bulan dengan kurikulumnya dipelopori oleh pakar tempatan dan luar negara.

KPT menyahut seruan ini bagi membawa Malaysia bergerak pantas untuk menerajui bidang tujahan masa hadapan selari dengan ledakan transformasi digital global.

Ia bagi menunjukkan keupayaan Malaysia menerima teknologi AI dalam mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat, selain mempromosikan peluang pengajian dan penyelidikan dalam bidang AI.

Ekonomi negara juga akan turut ditransformasikan sebagai satu bentuk ekonomi baharu yang diintegrasikan dengan AI, bagi memacu pertumbuhan mampan dan berdaya saing.

Sumber : Diubahsuai daripada <http://www.astroawani.com/berita>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesannya terhadap negara jika dilaksanakan. [8 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

BAB 8: MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

1 Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah satu dasar yang dilancarkan oleh kerajaan dalam tahun 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) untuk membetulkan ketidakseimbangan sosial ekonomi yang wujud di Malaysia.

<http://www.pmo.gov.my/>

(a) Nyatakan tiga strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)

(i)

(ii)

(iii)

